

PENGARUH BUDAYA DALAM KEHARMONIAN ETNIK DI SABAH

Sharifah Darmia Binti Sharif Adam
Universiti Malaysia Sabah
shdarmia@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang pengaruh budaya dalam keharmonian etnik di Sabah. Sabah terkenal kerana keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang dikelaskan sebagai bumiputera dan bukan bumiputera. Etnik - etnik di Sabah menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek masing-masing. Setiap etnik di Sabah juga mempunyai amalan budaya, adat tradisi, agama dan bahasa yang berlainan menjadikannya sebagai sebuah negeri yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Keistimewaan ini turut dapat dilihat melalui pelbagai amalan budaya yang dapat memupuk hubungan etnik yang harmoni di Sabah. Dalam masyarakat Sabah wujud sikap saling menghormati dan meraikan budaya yang mencerminkan keharmonian hidup masyarakatnya. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dan kepercayaan tetapi kesemuanya ditangani dengan berhemah dan bermusyawarah supaya keharmonian antara etnik terus terpelihara. Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha mengukuhkan hubungan antara etnik yang harmoni di Sabah.

Kata Kunci : *Budaya, Hubungan etnik dan bumiputera Sabah*

Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan tersendiri kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, agama dan bahasa. Sabah yang juga dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu dahulunya turut kenali sebagai *North Borneo*. Negeri ini pernah terletak di bawah jajahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Sabah kemudiannya ditadbir oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga 1942. Selepas Perang Dunia Kedua, Syarikat Berpiagam Borneo Utara berhadapan dengan masalah kekurangan sumber kewangan untuk membina semula negeri Sabah menyebabkan wilayah tersebut diletakkan di bawah kawalan pejabat kolonial dan menjadi tanah jajahan British pada 15 Julai 1946. Seterusnya pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia terbentuk dengan pengabungan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 bukan hanya bermakna pembebasan beberapa buah negeri yang dijajah tetapi adalah untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu.

Metodologi Kajian

Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif. Melalui kaedah kualitatif, analisis kajian dibuat terhadap pengaruh budaya dalam keharmonian masyarakat pelbagai etnik di Sabah sebelum dan selepas negeri tersebut mencapai kemerdekaan. Sementara itu, kaedah kajian arkib digunakan bagi memperoleh sumber-sumber utama rujukan kajian kertas kerja ini. Kaedah kajian arkib dilakukan di Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Penelitian dibuat terhadap bahan-bahan seperti Fail Pejabat Tanah Jajahan (Colonial Office File) CO 874 yang mengandungi maklumat penting mengenai latar belakang negeri Sabah. Selain itu, kajian perpustakaan juga turut dijalankan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, perpustakaan di institusi-institusi pengajian tinggi awam yang lain. Kaedah kajian kepustakaan ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang diperoleh daripada buku dan jurnal.

Latar Belakang Masyarakat Pelbagai Etnik di Sabah

Sabah yang dahulunya pernah dikenali sebagai *North Borneo* merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia. Ia terletak dibahagian utara pulau Borneo dengan keluasan kira-kira 75,133 kilometer persegi. Sabah sering dikatakan sebagai sebuah negeri yang unik disebabkan setiap kumpulan etnik mempunyai amalan kebudayaan, amalan kepercayaan dan agama, adat resam, dan warisan seni yang berbeza. Dengan kata lain, Sabah merupakan sebuah negeri yang didiami oleh pelbagai etnik dengan kerencaman penduduk yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek. Jadual 1 memperlihatkan senarai kumpulan etnik, subetnik, suku, kumpulan bahasa dan dialek di Sabah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Kumpulan Etnik, Subetnik, Suku, Kumpulan Bahasa dan Dialek di Sabah

Senarai Kumpulan Etnik, Subetnik, Suku, Kumpulan Bahasa dan Dialek di Sabah
Bajau, Bisaya, Bonggi, Bookan, Bugis, Cina, Dumpas, Dusun, Gana, Hulu, Ida'an, India, Iranun, Kadazan, Kagayan, Kalabakan, Kalabuan, Kedayan, Keningau, Kepulauan, Kokos, Kimaragang, Kinabatangan, Kuijau, Labuk-Kinabatangan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Mangkaak, Melayu, Minokok, Murut, Okolod, Paitan, Paluan, Papar, Rungus, Sama Selatan, Selungai, Sembakung, Serudung, Sinabu, Sino-Kadazan, Suluk, Sungai, Tagal, Tatana', Tausug, Tempasuk Dusun, Tenggara, Tidung, Timugon, Tinagas, Tobiling, Tombunuo, Ubian, kumpulan etnik pekerja-pekerja migran dan pelbagai kumpulan etnik, subetnik, suku, kumpulan bahasa dan dialek yang lain

Sumber: *Modul Hubungan Etnik* (edisi kedua), Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor), Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 13.

Berdasarkan jadual 1, jelas menunjukkan bahasa masyarakat Sabah bukan sahaja menawarkan kepelbagaian identiti etnik tetapi juga kepelbagaian bahasa dan adat resam yang lebih luas. Walau bagaimanapun, kepelbagaian tersebut tidak menjadi halangan kepada penduduk berbilang etnik di

Sabah untuk menghasilkan dan mewarisi hubungan antara etnik yang bersifat lebih harmoni semenjak awal sebelum kedatangan pengaruh luar lagi.

Satu hal yang jelas di Sabah adalah walaupun terdapat pelbagai kumpulan etnik yang berbeza namun berdasarkan pengalaman di Sabah didapati perkara ini tidak menghilangkan identiti mana-mana komuniti etnik. Walaupun jelas wujud pelbagai etnik yang berbeza namun terdapat unsur-unsur persamaan dalam budaya yang diamalkan termasuklah persamaan dalam dialek yang digunakan antara banyak kumpulan etnik kecil di Sabah. Bilangan penduduk Sabah mengikut pecahan etnik pada tahun 2010 dapat dilihat dalam Jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2: Penduduk Sabah mengikut Pecahan Etnik pada tahun 2010

Kategori Etnik	Bilangan
Kadazan Dusun	568575
Bajau	450279
Melayu	184197
Murut	102393
Bumiputera	1965309
Bumiputera lain	659865

Sumber: Banci Penduduk Perumahan Malaysia, 2010, hlm. 1.

Berdasarkan jadual 2, jelas memperlihatkan bahawa bancian penduduk di Sabah dikategorikan mengikut beberapa kumpulan etnik utama iaitu Kadazan Dusun, Bajau, Melayu, Murut, bumiputera lain. Walau bagaimanapun hingga ke hari ini, masih tidak ada kata sepakat berhubung bilangan sebenar kumpulan etnik di Sabah. Terdapat pelbagai pendapat berkenaan senarai bilangan etnik di negeri tersebut.

Pengaruh Budaya Dalam Keharmonian Etnik di Sabah

Budaya didefinisikan sebagai satu sistem pemahaman dan kelakuan yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuklah sistem sosial, budaya, adat resam, tradisi, kesenian, bahasa, ekonomi, pendidikan dan aspek politik yang dipelajari daripada persekitarannya. Bagi negeri Sabah, penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik menjadikan negeri tersebut kaya dengan pelbagai khazanah warisan tradisi budaya. Walaupun demikian, apa yang menariknya adalah masyarakat Sabah dapat hidup dengan suasana yang harmoni dalam saling hormat menghormati antara satu sama lain. Dengan erti kata lain, kepelbagaian budaya tidak menjadi halangan kepada masyarakat Sabah untuk hidup dengan aman dan sejahtera.

Secara umumnya, masyarakat Sabah dapat dikelompokkan dan dipecahkan kepada tiga kumpulan utama iaitu, bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan bukan bumiputera. Kumpulan bumiputera Islam terdiri daripada etnik Melayu, Brunei, Bajau, Suluk, Bugis, Bisaya, Ida'an, Banjar, Tidong, Orang Sungai, Ilanun, Kadayan dan Cocos. Kegiatan utama mereka ialah menangkap ikan, memungut hasil laut, memungut hasil hutan serta menanam padi sawah. Sementara itu, kumpulan bumiputera bukan Islam pula terdiri daripada etnik Kadazan, Dusun, Murut, Kuijau, Lotud, Rungus, Tambonuo, Dumpas, Maragang, Paitan, Minokok, Rumanau, Mangka'ak dan kumpulan kecil sino-filipina. Kegiatan utama mereka ialah menanam padi sawah dan berternak lembu manakala kegiatan utama kaum Murut ialah menanam padi bukit atau padi huma, memburu binatang dan memungut hasil hutan. Seterusnya kumpulan bukan bumiputera

iaitu kumpulan etnik Cina yang terbahagi kepada beberapa kumpulan mengikut dialek bahasa masing-masing.

Memandangkan terdapat pelbagai etnik di Sabah, maka perbincangan dalam kertas kerja ini difokuskan terhadap amalan budaya terpilih yang dapat memupuk hubungan harmoni dalam kalangan etnik di negeri tersebut. Keharmonian masyarakat Sabah dapat dilihat dengan jelas melalui amalan sambutan perayaan seperti Pesta Kaamatan. Pesta Ka'amatan atau nama lain iaitu (Tadau Ka'amatan) atau di dalam bahasa Kadazan "Magavau" merupakan upacara perayaan khas untuk menghormati "Bambazon" iaitu untuk menghormati semangat padi. Sambutan perayaan ini sudah menjadi amalan tradisi etnik Kadazan-Dusun sejak dahulu lagi dan disambut pada 30 dan 31 Mei setiap tahun. Perayaan "Magavau" ini biasanya diadakan selepas selesai menuai padi. Pada hari ini, Pesta Ka'amatan menjadi perayaan yang dirayakan bersama oleh pelbagai etnik di Sabah.

Hal ini kerana terdapat pelbagai acara menarik yang diadakan sepanjang pesta Ka'amatan seperti persempahan dan pertandingan tarian Sumazau. Tarian Sumazau ditarikan oleh lelaki dan perempuan dengan memakai pakaian tradisional mereka dengan irungan paluan gong. Tarian ini ditarikan dengan kedua-dua tangan diangkat ke paras bahu dan dikibar-kibarkan umpama kipasan sayap burung, mengikut alunan rentak yang dimainkan. Selain daripada persempahan tarian Sumazau, diadakan juga pertandingan nyanyian dipanggil Sugandoi, pertunjukan bina badan, dan ratu cantik atau "Unduk Ngadau", dan persempahan segala jenis kesenian dan kraftangan. Pertandingan seperti memukul gong dan sukan rakyat juga menjadi antara acara utama dalam perayaan ini. Oleh itu, sambutan pesta Ka'amatan ini bukan saja menjadi platform pelbagai etnik menjalin hubungan yang erat tetapi juga dalam masa yang sama menjadi faktor penarik pelancong-pelancong luar dari Sabah untuk merasai sendiri dan mendalami budaya etnik di Sabah.

Selain itu, masyarakat Kadazan Dusun misalnya mempunyai satu adat yang berperanan untuk menjaga keharmonian masyarakat di kampung mereka iaitu *sogit*. *Sogit* ialah denda kepanasan yang ditentukan oleh ketua kampung berdasarkan tradisi turun temurun. Berdasarkan *sogit*, orang yang melakukan kesalahan harus memberikan sejenis pemberian yang nilainya bersesuaian dengan kesalahannya untuk menolak bala. Dalam masyarakat Kadazan Dusun, segala perlakuan yang menyalahi moral dianggap akan memanaskan persekitaran dan menyebabkan pelbagai penyakit menimpa masyarakatnya. Konsep *sogit* mewajibkan pelaku kesalahan moral memberikan penyejuk kepada pihak yang disakiti atau ahli masyarakat untuk mengelak kejadian tersebut.

Fungsi *sogit* amat penting dalam masyarakat Kadazan Dusun kerana selama *sogit* belum dijelaskan, semua bala yang menimpa penduduk kampung akan dianggap berpunca daripada kepanasan yang dicetuskan oleh pelanggaran nilai tersebut. Antara jenis kepanasan yang sering dikaitkan dengan kesalahan mengandung luar nikah ialah *mamalangou* (demam selsema). Kesalahan lain yang perlu dikenakan *sogit* juga ialah *babas* (pendamaian) dan *sogit* kemaluan (denda mengaibkan orang lain). *Babas* merupakan denda pendamaian yang melibatkan satu pihak memberikan seekor haiwan untuk disembelih dan dimakan oleh pihak yang tidak senang dengannya atau boleh juga kedua-dua pihak saling memberikan haiwan sebagai tanda tamatnya permusuhan dan pergaduhan antara mereka. *Babas* juga dianggap denda ringan yang bertujuan mengembalikan keharmonian semata-mata. Oleh itu jelaslah bahawa budaya amalan *sogit* sebegitu adalah bertujuan untuk menjaga keharmonian masyarakat Kadazan Dusun.

Bagi masyarakat Bisaya pula, mereka amat mementingkan semangat kerjasama dalam pekerjaan harian mereka. Semangat tolong menolong sentiasa menjadi amalan dalam semua kegiatan di kampung mereka. Amalan gotong royong ini dikenali sebagai *muncang* dalam masyarakat Bisaya. *Muncang* biasanya dilakukan dalam urusan mengerjakan sawah, membuka

hutan, membina rumah dan dalam mengadakan persiapan untuk majlis perkahwinan, kenduri kendara dan sebagainya. Dengan adanya budaya tolong menolong ini menyebabkan semua pekerjaan dapat diringankan. Apa yang penting adalah ia dapat mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung. Hingga kini, amalan muncang ini masih menjadi amalan dalam kalangan etnik Bisaya khususnya dalam majlis kenduri kendara perkahwinan dan membersihkan kawasan kampung.

Berdasarkan penelitian didapati bahawa sememangnya tidak dinafikan perkahwinan campur antara etnik menyebabkan perubahan identiti sesuatu etnik namun ia tidak bermakna wujud konflik antara etnik. Sebagai contohnya, perkahwinan campur antara etnik Dusun atau Murut dengan etnik seperti Bajau, Suluk dan Melayu Brunei telah menyebabkan identiti mereka berubah. Perubahan ini dapat dilihat dengan jelas apabila suku Tembena dan Buludupi salah satu subetnik Dusun telah mengubah identiti mereka menjadi Orang Sungai kerana berkahwin dengan etnik peribumi Islam. Situasi ini mendorong suku terbabit untuk memeluk agama Islam dan memisahkan corak hidup mereka daripada masyarakat Dusun. Jelaslah bahawa perkahwinan campur yang berlaku dalam kalangan etnik Dusun dengan etnik lain yang beragama Islam telah menukar identiti dan cara hidup mereka. Buktinya juga dapat dilihat dengan jelas melalui kewujudan suku-suku seperti Orang Sungai, Tidong dan Bisaya. Sungguhpun perkahwinan campur menyebabkan suku ini memisahkan diri mereka dari segi agama, kepercayaan dan kebudayaan daripada etnik asal namun masih terdapat persamaan dari segi bahasa dan adat mereka amalkan.

Di samping itu, perlu dijelaskan bahawa walaupun adalah perkara yang biasa dalam sebuah keluarga di Sabah mempunyai ahli keluarga yang berbilang agama disebabkan oleh perkahwinan campur namun hubungan keluarga dan penduduk kampung yang tinggal bersama tetap baik dan erat. Hal ini kerana wujud sikap saling hormat menghormati antara etnik yang berbeza anutan agama. Selain itu, mereka juga masih kunjung mengunjungi sama ada ketika ditimpa musibah ataupun semasa sambutan hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Krismas. Malahan kemesraan ini dizahirkan melalui cara berinteraksi dengan ahli keluarga atau rakan yang berbeza agama seperti memberi ucapan salam ‘assalamualaikum’ yang diucapkan oleh masyarakat bukan beragama Islam kepada yang masyarakat yang beragama Islam. Malahan dalam soal nama juga keluarga bukan beragama Islam menggunakan kata ‘bin’ dan ‘binti’ yang tidak menjadi titik pembeza antara mereka. Apa yang menariknya adalah terdapat ahli-ahli keluarga yang menganut pelbagai agama lain sama ada Islam, Kristian ataupun kepercayaan animisme tetapi mereka dapat tinggal serumah dalam keadaan yang aman damai.

Walaupun percampuran gaya hidup dan adat dalam perkahwinan dapat membentuk budaya baru namun adat dan budaya etnik masing-masing masih dikekalkan. Sebagai contohnya, golongan wanita daripada etnik Kadazan-Dusun yang beragama Islam akan tetap memakai pakaian tradisi iaitu baju Sumazau tetapi lebih tertutup disesuaikan mengikut ajaran Islam. Dari segi budaya pula didapati bahawa seorang individu mempunyai pasangan yang berlainan etnik masih meneruskan amalan budaya yang telah diterap sejak kanak-kanak. Situasi ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti makan tradisi. Sehingga kini makanan tradisi etnik Kadazan seperti jeruk tuhau dan jeruk bambangan masih menjadi kegemaran mereka walaupun telah berkahwin dengan etnik lain. Hal ini menunjukkan bahawa perkahwinan campur tidak menyebabkan seseorang membuang begitu sahaja budaya warisan yang telah diamalkan sejak kecil.

Apa yang penting adalah amalan perkahwinan campur di Sabah yang sudah berlaku sejak sekian lama berupaya menjalinkan ikatan kekeluargaan yang saling memahami walaupun berlainan etnik. Hal ini kerana individu yang mempunyai pasangan yang berlainan etnik biasanya

akan mempunyai saudara mara dari agama yang berlainan. Ikatan kekeluargaan ini membolehkan mereka mengenali secara lebih rapat antara satu sama lain. Dengan kata lain perkahwinan campur dapat merapatkan jurang sosial antara etnik yang pada awalnya dipisahkan oleh etnik dan agama yang berbeza. Malahan perkahwinan campur juga telah menjadi lambang keharmonian jalinan hubungan antara etnik di negeri tersebut. Keharmonian hidup antara pelbagai etnik di Sabah sangat penting kerana ia menyumbang kepada kemajuan pembangunan ekonomi di negeri tersebut.

Dengan itu jelaslah bahawa perkahwinan campur bukanlah penghalang kepada wujudnya jalinan kemesraan antara etnik di Sabah. Suasana harmoni dapat dilihat melalui perkongsian persamaan seperti bertutur dalam bahasa dan dialek yang sama dan budaya yang sama menyebabkan masyarakat Sabah terdorong untuk bersikap lebih mudah berkompromi terhadap perbezaan yang wujud antara mereka. Walaupun perbezaan agama didapati masih begitu ketara di Sabah namun masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik dapat hidup dalam suasana saling hormat menghormati, bertoleransi dan bantu membantu. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa perkahwinan campur menjadi antara faktor yang menggalakkan toleransi antara etnik di Sabah dan juga dapat menunjukkan dengan jelas bahawa ia turut memangkin masyarakat Sabah supaya bersikap lebih terbuka dan fleksibel.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa amalan seperti sambutan perayaan pesta Ka'amatan, sogit, muncang dan budaya perkahwinan campur sudah menjadi satu budaya biasa dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Budaya sedemikian bukan sahaja telah memperkayakan lagi khazanah budaya yang unik di negeri tersebut tetapi berhasil mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah. Pengamalan budaya yang berlainan dalam sebuah negeri sebenarnya telah memberi ruang untuk masyarakatnya memahami dan mempelajari budaya etnik berlainan. Hal inilah yang seterusnya dapat mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan menghargai antara satu sama lain.

Rujukan

- Alfred Dent to the Marquis of Salisbury, 2 December 1878.*
- D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*, Second Edition, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2003.
- Document 5, C.O. 874/54
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Tadau_Kaamatan diakses pada 3 Mac 2020.
- Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.
- Kntayya Mariappan dan Paul Porodong, ‘Kepelbagaian Etnik di Sabah’, dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (Penyunting), Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malyasia dan Universiti Malaysia Sabah, 2012.
- Mat Zin Mat Kib, “Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan” dalam *Warisan Seni Etnik Sabah*, Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2005.
- Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

- Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*, (2nd Edition), Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2005.
- Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013.
- R.S. Milne dan Diane K. Mauzy. 1992. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Siti Aidah bte Hj. Lokin, “Sejarah, Sosioekonomi dan Kebudayaan Suku Kaum Bisaya Sabah dalam Mohd Sarim Hj. Mustajab (Editor), *Warisan Budaya Sabah Etnisiti dan Masyarakat*, Kota Kinabalu: Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sabah, 2004.
- Suraya Sintang, ‘Keharmonian hidup bersama dalam Kepelbagaian Agama di Sabah’, dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Tamring, *Pluraliti dalam Kearifan Lokal di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2011.
- Suraya Sintang “Fenomena Hubungan antara Agama di Sabah: Satu Analisis Konseptual”, dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Asmiaty Amat (Penyunting), *Setitik dijadikan laut Sekepal dijadikan Gunung*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2012.